



Sabtu – 23 Januari 2021

Halaman : 10

Pelajar Orang Asli turut terkesan internet lemah

KUALA LANGAT: Kesukaran mendapatkan akses internet di kawasan luar bandar semakin membimbangkan apabila pelajar terpaksa mengikuti kelas dalam talian agak lewat berbanding waktu ditetapkan.

Masalah dihadapi itu bukan sahaja membabitkan seorang, tetapi keseluruhan pelajar di dalam kelas Tingkatan 1, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pulau Carey.

Pelajar, **S. Jerika** berkata, dia dan rakan sekelasnya sering lewat menerima bahan pembelajaran yang disampaikan oleh beberapa gurunya melalui aplikasi WhatsApp kerana akses internet yang lemah.

“Cikgu selalu tanya saya dan rakan-rakan lain sama ada sudah terima bahan tersebut atau tidak.

“Namun, kami sentiasa dapat lewat kerana akses internet sangat lemah menyebabkan sesi kelas akan lambat bermula kerana cikgu nak pastikan semua pelajar dapat bahan tersebut,” katanya ketika ditemui di Kampung Orang Asli Kampung Bumbum, Pu-

lau Carey, di sini semalam.

Tambah Jerika, walaupun capaian internet di rumahnya agak lemah, namun dia tidak akan keluar mencari liputan lebih baik atas faktor keselamatan.

“Selain itu, di rumah apabila ayah keluar bekerja, saya akan menggunakan telefon pintar ibu untuk mengikuti kelas dalam talian kerana keluarganya tidak berkemampuan untuk membeli telefon pintar baharu,” ujarnya.

Sementara itu, ayah kepada Jerika, **A. Samri**, 46, berkata, pendapatannya sebagai seorang tukang ukir sebanyak RM1,000 sebulan menghalangnya untuk membeli telefon pintar untuk anak bongsunya mengikuti kelas dalam talian.

Namun, katanya, isterinya membenarkan Jerika menggunakan telefon pintarnya memandangkan dia jarang menggunakan.

“Kita berharap kerajaan memasang pencawang internet supaya penduduk di sini dapat capaian akses internet lebih baik,” ujarnya.